

▼23/06/14-23MST

R GB 23-06 00150 RD050

bah

Mahathir-dadah

MAHATHIR MAHU PENDEKATAN UNTUK BANTERAS MASALAH DADAH

MELAKA, 23 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sanggup menghadapi dan menanggung perbelanjaan serta tenaga yang besar untuk memerangi masalah dadah tetapi sebelum itu pendekatan yang lebih berkesan harus dicari terlebih dahulu.

Katanya, usaha pemulihan dan tindakan penguatkuasaan undang-undang harus dilakukan dengan tegas dan langkah susulan perlu dilaksanakan segera.

Beliau berkata demikian dalam buku cendermata sempena Perhimpunan Agung Tahunan Pemadam Kebangsaan ke-19 di sini yang dirasmikan Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik hari ini.

Dr Mahathir berkata penagihan dadah dilihat cara terang-terang dalam masyarakat negara ini dan rakyat tidak boleh lagi membiarkan perkara ini berterusan sehingga membiak menjadi kanser dan perosak negara.

Katanya, walaupun pelbagai usaha dan tindakan dilakukan, penyakit masyarakat yang paling berbahaya ini masih berleluasa. -- Lagi

▼23/06/15-1RMST

9

bah

Mahathir-dadah 2 (Akhir) Melaka

Menurutnya, sungguhpun pembanterasannya gejala dadah adalah tanggungjawab kerajaan tetapi tanggungjawab ini, tanpa sokongan masyarakat tidak akan berkesan.

"Badan sukarela, swasta dan badan bukan kerajaan hendaklah turut memainkan peranan aktif dalam membantu kerajaan membanteras masalah penyalahgunaan dadah," katanya.

Menurutnya, badan sukarela seperti Pemadam sudah terbukti sejak dahulu berjaya membantu kerajaan mengurangkan masalah penagihan dadah dan ia perlu dicontohi oleh pihak lain.

Sementara itu, Abdul Rahim ketika merasmikan majlis itu berkata nilai budaya negara ini yang lama harus dihidupkan semula dalam usaha menentang penyalahgunaan dadah.

Beliau berkata perkembangan penagihan dadah terbukti mempunyai kaitan dengan keruntuhan moral dan penolakan agama dan oleh itu rakyat negara ini seharusnya menolak aspek kebudayaan barat yang boleh menghakis budaya tempatan.

Katanya, usaha menerapkan semula nilai budaya tempatan seperti adat bersopan santun, menghormati ibubapa, orang tua dan keluarga oleh generasi muda boleh menolong membendung merebaknya masalah dadah di kalangan masyarakat negara ini. -- Bernama

ARA AKD

▼23/06/15-25MST